

## **KEPERLUAN TRANSFORMASI DALAM PERUNDANGAN SYARIAH BAGI MENANGANI KES MAL DAN JENAYAH MELIBATKAN ILMU SIHIR**

Dr. Mahyuddin bin Ismail

Jabatan Sains Kemanusiaan, Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan,  
Universiti Malaysia Pahang, Lebuhraya Tun Razak, 26300 Gambang, Kuantan.

Tel: +019-9800573 Fax: 09-5493112 E-mel: [mahyuddin@ump.edu.my](mailto:mahyuddin@ump.edu.my)

### **ABSTRAK**

*Isu penggunaan ilmu sihir pernah dibangkitkan dalam beberapa kes mal dan jenayah di Mahkamah Syariah di Malaysia. Namun sehingga ke hari ini, isu tersebut tergantung tanpa penyelesaian. Kertas kerja ini mengandungi cadangan transformasi yang perlu dilakukan bagi menangani kes-kes melibatkan penggunaan ilmu sihir. Ruang lingkup perubahan yang dicadangkan ini merangkumi undang-undang substantif, undang-undang acara dan juga undang-undang keterangan dalam Mahkamah Syariah. Transformasi yang dicadangkan ini bukan sahaja dapat membantu pihak berkuasa untuk menegakkan keadilan, malah dapat memberikan pembelaan kepada individu yang menjadi mangsa kepada perbuatan jahat pengamal ilmu sihir.*

Kata kunci: Ilmu Sihir – Transformasi Perundangan – Undang-undang Mal dan Jenayah

### **PENGENALAN**

Isu penggunaan ilmu sihir dalam kehidupan manusia bukanlah suatu perkara yang baharu. Ianya telah dibincangkan semenjak bermulanya tamadun manusia hingga ke hari ini. Sejarah tamadun-tamadun terdahulu seperti tamadun Mesopotamia, tamadun Rom, tamadun China, tamadun Parsi, tamadun Islam dan tamadun Barat mencatatkan kewujudan undang-undang bagi menyekat dan membanteras amalan sihir dalam kegiatan jenayah (Mahyuddin Ismail, 2015). Fakta ini turut disokong oleh kenyataan pakar undang-undang jenayah, William Blackstone melalui tulisannya:

*To deny the possibility, nay, actual existence, of witchcraft and sorcery is at once flatly to contradict the revealed word of God, in various passages both of the Old and New testament: and the thing itself is a truth to which every nation in the world has in its turn borne testimony, either by examples seemingly well attested, or by prohibitory laws; which at least suppose the possibility of a commerce with evil spirits.” (Morrison, 2001)*

Isu ini turut mendapat perhatian pihak berkuasa di Malaysia. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-33 yang bersidang pada 11 Oktober 1993 telah memutuskan bahawa ‘pihak berkaitan hendaklah menyediakan peruntukan undang-undang bagi menghukum pengamal-pengamal yang sabit melakukan sihir.’ Keputusan ini menunjukkan bahawa usaha membanteras ilmu dan amalan sihir ini perlu dipandang serius oleh pihak berkuasa. Perkara yang sama turut disuarakan dalam beberapa persidangan, muzakarah dan seminar. Namun, sehingga ke hari ini, peruntukan undang-undang yang disyorkan oleh Jawatankuasa Fatwa dan juga resolusi-resolusi yang dicapai dalam muzakarah dan seminar tersebut hanya tercatat di atas kertas tanpa sebarang tindakan susulan.

### **TRANSFORMASI DALAM UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM**

Isu penggunaan sihir bagi memporak perandakan hubungan kekeluargaan dan mencerai beraikan antara suami dan isteri telah dinyatakan secara jelas oleh Allah SWT melalui firmanNya dalam surah Al-Baqarah ayat 102 yang bermaksud: “*Dalam pada itu terdapat orang-orang mempelajari dari mereka berdua (Harut & Marut) sesuatu (ilmu sihir) yang boleh menceraikan antara seorang seseorang dengan pasangannya...*”. Justeru, tidak hairan jika timbul dakwaan wujudnya penggunaan ilmu sihir dalam kes perceraian di mahkamah Syariah.

Di Malaysia, isu penggunaan ilmu sihir bagi mencerai beraikan pasangan suami isteri ada dibangkitkan dalam beberapa kes dalam mahkamah Syariah. Antaranya ialah kes *Mustafa Batcha lawan Habeeba Abd. Rahman* [1410] JH 41. Perayu mendakwa telah melafazkan talaq dalam keadaan beliau tidak sedar kerana dipengaruhi sihir. Setelah mendapatkan rawatan, beliau telah pulih dan boleh berfikir secara normal. Perayu memohon agar mahkamah membatalkan perceraian talaq tiga yang telah direkodkan oleh mahkamah sebelumnya. Hakim Mahkamah Rayuan memutuskan kes ini belum didengar sewajarnya dan memerintah ianya dibicarkan semula ekoran kegagalan Hakim Mahkamah Rendah Syariah untuk mendapatkan pendapat pakar (*ra<sup>c</sup>yu al-khabir*) berkenaan isu tersebut.

Selain penggunaan sihir dalam perceraian, timbul juga dakwaan penggunaan sihir bagi tujuan memikat, menunduk, menguasai perasaan dan pertimbangan seseorang. Dalam kes *Re Wan Norsuriya* [1418] JH 211, pemohon telah membuat permohonan kepada mahkamah agar perkahwinan beliau dibubarkan kerana adanya unsur ketidakrelaan. Pemohon tidak tahu dan tidak sedar apa yang berlaku kepada dirinya sepanjang berada dalam kurungan defendan. Hatta ketika berkahwin, beliau sendiri tidak menyedari bahawa beliau menyatakan persetujuan untuk berkahwin dengan lelaki yang mengurungnya. Melalui temubual dengan Y.A. Hakim yang mengendalikan kes tersebut, beliau secara peribadi berpendapat wujudnya unsur penggunaan sihir dalam kes ini. Walau bagaimanapun, oleh kerana ketidaaan peruntukan undang-undang khas mengenai dakwaan disihir, maka kes tersebut diputuskan atas dasar tiada kerelaan dari wanita tersebut.

Terdapat banyak lagi kes-kes sedemikian yang dibangkitkan di mahkamah. Disebabkan ketiadaan satu garis panduan atau peruntukan dalam enakmen berkaitan isu ini, maka kes sedemikian dihakimi atas apa yang zahir pada pandangan mata kasar dan dapat diterima logik akal. Satu transformasi perlu dilakukan dalam menilai isu perkahwinan dan perceraian yang didalangi oleh ilmu sihir. Sebagai contoh, jika ditinjau dari sudut hukum syara’, para ulama sepakat mengatakan bahawa talaq yang dilafazkan oleh seorang yang tidak berakal sempurna atau dipengaruhi sesuatu sehingga hilang kawalannya adalah tidak sah. Keadaan tidak sempurna akal dan hilang kawalan sering dialami oleh mereka yang disihir. Justeru, talaq yang dilafazkan oleh seseorang dalam keadaan beliau di bawah pengaruh sihir sehingga tidak sempurna akal adalah tidak sah. Ini ditegaskan oleh Syeikhul Islam Ibnu Taimiyah (Al-Ba<sup>3</sup>li, 1986):

وَمِنْ سُحْرٍ فَلَمَّا بَلَغَ بِهِ السُّحْرُ أَلَا يَعْلَمُ مَا يَقُولُ فَلَا طَلاقٌ لَهُ  
أَمَّا إِنْ كَانَ سُحْرَهُ لَا يَغْيِرُ عُقْلَهُ وَإِدْرَاكَهُ كَمْنَ يَعْدِدُ عَنِ الْجَمَاعِ فَقَطْ فَهُذَا طَلاقٌ وَاقِعٌ

“*Dan sesiapa yang disihir sehingga sampai ia ke tahap dia tidak menyedari apa yang diucapkan, maka talaq tersebut tidak berlaku. Manakala sekiranya sihir (yang dikenakan) itu tidak menyebabkan perubahan pada kewarasan akal dan kesedarannya, seperti (sihir untuk) menghalangnya dari melakukan persetubuhan sahaja, maka talaq itu sah.*”

Demikian juga dengan kes tuntutan cerai fasakh yang difailkan atas sebab kecederaan dan kecacatan fizikal yang dialami oleh mana-mana pasangan seperti penyakit kusta, sopak atau kudis yang sukar diubati, *ratqa* (tertutup kemaluan wanita dengan daging), *qarna* (tertutup kemaluan wanita dengan tulang) dan *'unnah* (mati pucuk bagi lelaki). Sebenarnya, sesetengah kes mati pucuk, hilang tenaga kelakian dan lemah syahwat yang dialami oleh lelaki boleh juga disebabkan oleh angkara sihir (Kasimin, 2002). Menurut Walter Farber (1995), sihir jenis ini telah pun diamalkan sejak tamadun Mesopotamia lagi dan ianya berterusan sehingga ke hari ini. Penggunaan sihir sebegini juga banyak dilaporkan berlaku di Eropah sekitar kurun ke-15 (Kieckhefer, 1990). Oleh itu, sekiranya mana-mana pasangan mengadu bahawa punca kecacatan atau kecederaan fizikal yang dialami itu dipercayai adalah angkara sihir melalui tanda-tanda yang lazim, maka pihak mahkamah perlu memberi peluang kepada pihak yang teraniaya untuk membela diri (Ismail., 2014). Oleh yang demikian, pihak kehakiman dan perundangan perlu mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi menilai dakwaan penggunaan ilmu sihir dalam kes-kes tersebut.

### **TRANSFORMASI UNDANG-UNDANG JENAYAH SYARI'AH**

Dari segi jenayah Syariah, seksyen 3 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 merupakan antara peruntukan yang boleh digunakan untuk mendakwa individu yang melakukan pemujaan salah seperti upacara sihir. Namun, terdapat beberapa peruntukan yang memerlukan peluasan pemakaianya kepada jenayah yang turut melibatkan penggunaan sihir. Sebagai contoh, seksyen 43 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 memperuntukan bahawa perbuatan memujuk atau membawa lari seorang perempuan bersuami dari rumah tangga yang telah ditentukan oleh suaminya dengan apa-apa cara sekalipun adalah satu kesalahan. Perbuatan melarikan ini bukan sahaja dengan cara biasa, tetapi turut dilakukan dengan menggunakan sihir jenis pukau dan guna-guna. Sihir jenis ini bukan sahaja boleh melarikan isteri, malah suami orang, anak gadis dan kanak-kanak turut boleh dilarikan tanpa sebarang tentangan (Kasimin, 2006). Dalam satu kes di mahkamah sivil, *PP v. Abdul Rahman Mohamad* [2005] 1 CLJ 700, tertuduh telah menggunakan jampi dan mantera bagi mengkhayalkan mangsa sebelum merogolnya. Tertuduh telah merogol pengadu atas helah untuk merawat pengadu dari penyakitnya melalui perubatan cara batin.

Tidak cukup dengan itu, ada juga yang mengenakan ilmu sihir berupa penunduk, pengunci nafsu, sihir jerut dan nasi tangas bagi menghalang pasangan suami isteri (terutamanya yang berpoligami) menjalani kehidupan berumahtangga dengan sempurna. Perbuatan jahat ini sebenarnya termasuk dalam ruang lingkup perbuatan salah sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 44 Enakmen yang sama iaitu menghalang pasangan yang sudah bernikah daripada hidup sebagai suami isteri. Terdapat juga pengamal sihir yang melakukan ritual tertentu bagi menimbulkan perasaan benci dan meluat terhadap pasangan. Perbuatan ini merupakan kesalahan sebagaimana yang diperuntukan dalam seksyen 45 iaitu menghasut suami atau isteri supaya bercerai atau mengabaikan kewajipan.

Melalui pengalaman penyelidik, terdapat kes-kes wanita yang ditipu dan diperdaya oleh pengamal-pengamal ajaran sesat dan batiniah, lalu mereka terjerumus dalam perkahwinan secara batin tanpa disedari. Apabila ditangkap dan dituduh atas kesalahan berkhalwat, mereka cuba membela diri dengan alasan hilang kesedaran kerana di bawah pengaruh sihir. Biasanya pihak mahkamah tidak dapat menerima alasan tersebut kerana tiada peruntukan mengenainya dalam undang-undang. Kes sebegini mungkin banyak berlaku tetapi disembunyikan oleh mangsa kerana ia akan mengaibkan diri mereka dan keluarga. Oleh itu, penyelidik berpandangan bahawa penelitian terhadap kes-kes sebegini perlu dilakukan bagi membela mangsa-mangsa sihir yang teraniaya. Penulis juga berpendapat peruntukan

seksyen 64 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 berkaitan perbuatan jenayah yang dilakukan oleh seseorang yang tidak sempurna akal perlu dipanjangkan dalam situasi ini.

### **TRANSFORMASI DALAM PENGUATKUASAAN**

Berdasarkan tinjauan kebangsaan penggunaan Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) yang dijalankan pada tahun 2004, 69.4% rakyat Malaysia pernah menggunakan PT&K semasa hayat. Kajian seluruh dunia juga menunjukkan lebih daripada 40% penduduk sesebuah negara menggunakan PT&K untuk keperluan penjagaan kesihatan mereka (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2007). Sambutan yang menggalakkan ini telah diambil kesempatan oleh sesetengah individu yang menjadikan PT&K ini sebagai lubuk emas. Oleh kerana tiada peraturan khas untuk mengawal selia golongan ini, maka para pengamal PT&K bebas menjalankan rawatan atas nama pusat rawatan Islam. Menurut Ibrahim Abdul Alim Abdul Bar (2006), terdapat banyak perkara bid'ah dan penipuan yang dilakukan oleh perawat Islam ketika melakukan rawatan kepada pesakit. Sesetengahnya menggunakan kaedah rawatan yang berunsurkan sihir, tahayul, perdukanan dan azimat atas nama perawat Islam (Hasyim, 1980). Terdapat juga perawat yang mendakwa dibolehkan bersahabat dan menggunakan khidmat jin asalkan jin yang digunakan adalah jin Islam (Jahid Sidek: 2004). Perkara-perkara sebegini jelas mengelirukan masyarakat awam terutamanya mereka yang terdesak untuk sembah. Pesakit yang terlibat adakalanya tidak menyedari bahawa kaedah-kaedah rawatan yang digunakan itu pada hakikatnya melibatkan jin dan syaitan, lalu beranggapan bahawa makhluk yang didampingi itu daripada wali-wali Allah, syeikh-syeikh, roh datuk nenek yang telah meninggal dunia dan sebagainya (Kasimin, 1997). Justeru, isu ini perlu ditangani agar akidah dan syariat mereka tidak terpesong.

Justeru, pihak berkuasa perlu melakukan transformasi untuk menangani kegiatan-kegiatan yang berlawanan dengan akidah ini. Terdapat enam pendekatan yang boleh diambil oleh pihak berkuasa agama bagi menangani permasalahan ini.

#### **a) Saringan I-SYIFA Pusat Rawatan**

Satu kajian untuk membangunkan pengukuran pematuhan atau I-SYIFA telah dilakukan oleh Universiti Malaysia Pahang dengan kerjasama Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari dan dibiayai sepenuhnya oleh JAKIM. Melalui I-SYIFA ini, setiap individu yang ingin mengamalkan perubatan Islam akan melalui proses saringan sebelum sijil tauliah dikeluarkan. Pensijilan ini adalah salah satu bentuk pemantauan bagi memastikan kaedah dan bahan-bahan yang digunakan tidak menyeleweng dari syariat Islam. Adalah dicadangkan agar pihak berkuasa agama seperti JAKIM dan JAIN menggunakan saringan tersebut bagi tujuan pengeluaran sijil tauliah kepada perawat dan pusat rawatan yang benar-benar memenuhi piawaian syariah. Ketiadaan pemantauan ini menyebabkan sesiapa sahaja boleh menjalankan rawatan dan mendakwa rawatannya adalah rawatan Islam. Melalui cara ini, aspek akidah dan syariah masyarakat akan dapat dipelihara. Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2013 (Akta 756) telah diwartakan pada 8 Februari 2013 dan akan dikuatkuasakan sepenuhnya mulai tahun 2014. Akta ini diwujudkan untuk memantau aktiviti pengamal PT&K. Dalam proses menguatkusakan akta ini, pihak BPTK berdepan masalah untuk menapis para pengamal PT&K yang mendakwa kononya mereka mengamalkan kaedah pengubatan Islam. Justeru, adalah dicadangkan agar kerjasama antara pihak JAKIM dan KKM dapat diwujudkan bagi tujuan pemantauan dan penguatan kuasaan Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2013. Ia merupakan pendekatan '*Blue Ocean Strategy*' bagi memantapkan proses kerja antara agensi.

- b) Penguatkuasaan Undang-Undang Bagi Membanteras Amalan-Amalan Khurafat**  
Melalui pemerhatian yang dilakukan oleh penyelidik, wujud amalan-amalan bertentangan syariah yang dilakukan oleh sesetengah individu terutama penjual barang seperti tangkal, minyak berpuja, batu permata dan cincin hikmat, syiling dan azimat pelaris, kayu dan tongkat yang mempunyai kuasa luarbiasa dan pelbagai lagi barang yang dipuja. Perbuatan yang menjurus kepada perbuatan syirik dan mempersekuatkan Allah ini secara perlu dikawal dan dipantau oleh pihak berkuasa. Beberapa peruntukan dalam enakmen-enakmen jenayah syariah negeri di Malaysia perlu dikuatkuasakan untuk membanteras penjualan produk atau perkhidmatan yang mempunyai unsur menyeleweng dari akidah Islam. Sebagai contoh, peruntukan seksyen 4 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 berkaitan pemujaan salah terhadap orang, binatang, tempat atau benda dengan cara yang menyalahi Hukum Syara' perlu diliuaskan skopnya. Justeru, Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam (khususnya yang berkaitan pencegahan amalan khurafat) perlu diperkasakan melalui latihan dan kefahaman yang sebenar tentang selok belok dan tipu daya dalam bidang PT&K ini. Selain penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam perlu mengambil inisiatif untuk menimbulkan kesedaran kepada pengamal PT&K tentang tipu daya dalam dunia perubatan melalui pengajuran kursus, seminar dan juga sebaran am. Ini kerana ada sebahagian perawat menyangka apa yang mereka amalkan tidak salah dan bertepatan dengan ajaran Islam.
- c) Penawaran Kursus Pengubatan Islam Peringkat Pengajian Tinggi**  
Pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui *Malaysian Qualification Agency* (MQA) telah menyediakan panduan kepada mana-mana institusi pengajian tinggi di Malaysia untuk menjalankan kursus rawatan tradisional dan komplementari (PTK) peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda.<sup>1</sup> Sehingga hari ini, terdapat 9 buah IPT di Malaysia yang telah mendapat kelulusan dan akreditasi dari MQA untuk menawarkan Diploma dan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang perubatan tradisional Cina dan homoeopati.<sup>2</sup> Namun amat malang kerana tiada satu kursus pun dalam perubatan Islam ditawarkan di mana-mana institusi pengajian tinggi hingga hari ini. Graduan dalam bidang ini mempunyai peluang kerjaya di hospital-hospital kerajaan yang menyediakan Unit PTK di seluruh Malaysia.<sup>3</sup> Peluang pendidikan dan kerjaya ini seharusnya dimanfaatkan oleh pihak berkuasa agama seperti JAKIM dan JAIN bagi menghasilkan tenaga pakar dalam bidang rawatan Islam. Melalui cara ini, kesedaran dan kefahaman masyarakat terhadap perubatan Islam dapat dibentuk.

---

<sup>1</sup> Sila rujuk [http://www.mqa.gov.my/portal2012/garis panduan/SP\\_P\\_TK.pdf](http://www.mqa.gov.my/portal2012/garis panduan/SP_P_TK.pdf) [Dilihat pada 29 Ogos 2012]

<sup>2</sup> IPT tersebut adalah Southern College (Bachelor Degree of Traditional Chinese Medicine, kerjasama dengan Xiamen University, China), Tunku Abdul Rahman University (Bachelor of Traditional Chinese Medicine), INTI International University College (Bachelor of Traditional Chinese Medicine), Cyberjaya University College of Medical Sciences (Ijazah Sarjana Muda Sains Perubatan Homeopati), Malacca College of Complementary Medicine (Diploma in Natural Medicine), Management and Science University (Bachelor in Traditional Chinese Medicine), International Medical University (Bachelor of Science Chinese Medicine & Bachelor of Science Chiropractic), Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (Diploma Lanjutan Urutan Melayu) dan Lincoln Universiti College (Diploma in Traditional Chinese Medicine)

<sup>3</sup> Sehingga kini, terdapat 10 buah hospital kerajaan yang menyediakan rawatan tradisional dan komplementari iaitu Hospital Kepala Batas, Hospital Putrajaya, Hospital Sultan Ismail, Hospital Duchess of Kent, Hospital Sultanah Nur Zahirah, Hospital Sarawak General, Hospital Port Dickson, Hospital Sultanah Hajjah Kalsom, Hospital Sultanah Bahiyah dan Hospital Raja Perempuan Zainab II.

- d) **Pemantapan Garis Panduan Bagi Pengamal Perubatan Alternatif Islam.**  
Masyarakat Islam dilihat terkeliru dan mudah terpedaya dengan jenama pusat rawatan Islam yang digunakan oleh sesetengah perawat yang tidak bertanggungjawab. Ketiadaan garis panduan khusus ciri-ciri perawat Islam dan pengkalan data pusat rawatan Islam menyebabkan sesiapa sahaja boleh mendakwa bahawa kaedah yang digunakan adalah selari syariat. Penyelidik berpendapat pihak berkuasa agama seharusnya lebih terkehadapan dalam isu ini kerana ia melibatkan isu akidah dan syariat serta kemaslahatan ummah. 'Garis Panduan Bahan Penerbitan Bercetak dan Audio Visual Berhubung dengan Unsur-unsur Yang Bercanggah dengan Akidah dan Amalan Ahli Sunnah Wal Jamaah' yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mungkin boleh dijadikan sebagai asas bagi mewujudkan garis panduan membasmikan amalan-amalan khurafat dalam perubatan Islam (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia).
- e) **Pemerkasaan Bahagian Penyelidikan dan Bahagian Penguatkuasaan**  
Bahagian Penyelidikan dan Bahagian Penguatkuasaan jabatan agama Islam (khususnya yang berkaitan pencegahan amalan khurafat) perlu diperkasakan melalui latihan dan kefahaman yang sebenar tentang selok belok dan tipu daya dalam perubatan alternatif. Melalui pemerhatian dan pengalaman penyelidik, terdapat sebilangan kakitangan di institusi agama sendiri turut terlibat dalam penggunaan khidmat perawat alternatif yang menyimpang dari kaedah perubatan Islam. Hal ini berlaku kerana kurang kefahaman atau terkeliru. Justeru, penguatkuasaan tidak mungkin dapat dilakukan sekiranya pihak penguasa juga terlibat dalam amalan-amalan sebegini.
- f) **Kempen Kesedaran Dalam Kalangan Pengamal Rawatan Alternatif Islam**  
Jabatan Agama Islam perlu menimbulkan kesedaran kepada pengamal rawatan alternatif Islam tentang tipu daya dalam dunia perubatan melalui pengajuran kursus, seminar dan juga sebaran am. Ini kerana ada sebahagian perawat menyangka apa yang mereka amalkan tidak salah dan bertepatan dengan ajaran Islam. Contoh terbaik ditunjukkan oleh Bahagian Kawalan Akidah, Jabatan Hal Ehwal Syariah Brunei. Mereka telah mengumpulkan kesemua pengamal-pengamal perubatan Islam di Brunei untuk diberikan penerangan tentang ciri-ciri perubatan yang menyeleweng. Usaha ini dilaksanakan kerana mereka percaya bahawa ramai pengamal yang tidak menyedari bahawa perbuatan mereka itu bertentangan dengan hukum syara'. Hasilnya, sebahagian dari mereka menerima dan bertaubat atas apa yang telah mereka lakukan.

#### **TRANSFORMASI DALAM KETERANGAN DAN PEMBUKTIAN DI MAHKAMAH**

Penderitaan yang ditanggung oleh individu-individu yang menjadi mangsa perbuatan sihir menjustifikasi pembaharuan dalam perundangan. Pihak yang teraniaya ini seharusnya dibela dan diberikan perlindungan. Namun, setiap kali cadangan ini dikemukakan kepada pihak yang mempunyai autoriti, isu yang akan ditimbulkan ialah bagaimana perkara ini hendak dibuktikan dalam mahkamah. Kesukaran untuk membuktikan kesalahan ini bukan bermakna undang-undang ini langsung tidak boleh diwujudkan.

Proses memberi keterangan dalam mahkamah bagi kes-kes jenayah adalah antara proses yang rumit kerana kerelevan fakta yang dikemukakan sangat mempengaruhi keputusan hakim. Terdapat 4 jenis keterangan yang boleh diterima pakai di dalam perbicaraan mahkamah iaitu:

- a) Keterangan lisan iaitu keterangan secara langsung sama ada dari pengamal sihir itu sendiri berupa pengakuan, atau keterangan lisan dari mangsa, saksi yang melihat kejadian atau saksi pakar;
- b) Keterangan dokumentar iaitu keterangan dalam bentuk dokumen yang ketara seperti laporan pakar perubatan, fotograf, video atau apa-apa rakaman elektronik atau digital.
- c) Keterangan fizikal iaitu keterangan yang terdapat pada bahan-bahan yang dijumpai di lokasi kejadian atau pada tubuh mangsa dan seumpamanya dan termasuk lawatan ke tempat kejadian.
- d) Keterangan mengikut keadaan (*qarinah*) iaitu keterangan yang relevan kepada fakta persoalan. Contohnya:
  - (i) Jika isu yang timbul, adakah A menyihir B, maka fakta A bermusuhan dengan B adalah *qarinah*.
  - (ii) B disihir oleh C (pengamal sihir) atas permintaan A. Maka, fakta A bermusuhan dengan B, A bertemu dengan C dan C memiliki barang-barang kepunyaan B, adalah *qarinah*.

Memandangkan pembuktian kesalahan melibatkan sihir agak rumit, maka disarankan agar khidmat agen pemerangkap (*agent provocateur*) digunakan. Berdasarkan Kitab *Qawa'id al-Ahkam* yang dikarang oleh Sheikh Izzuddin Ibn Salam, bolehlah dirumuskan bahawa terdapat maslahah yang lebih besar dalam penggunaan *agent provocateur* (iaitu untuk menjaga akidah) walaupun terdapat *mafsadah* pada zahirnya. Contoh terbaik pemakaian agen pemerangkap adalah seksyen 40A Akta Dadah Merbahaya 1952.

Bagi menguatkan suatu hujah, pihak yang membuat aduan perlu membuktikan kepada mahkamah bahawa wujud tanda-tanda dan 'simptom-simptom lazim terkena sihir' pada diri mereka atau mangsa (Ismail, 2012). Sekiranya pihak tersebut berjaya membuktikan wujudnya simptom lazim terkena sihir, mahkamah seharusnya seharusnya mendapatkan pandangan pakar dari individu-individu yang memahami selok belok ilmu sihir.

### **TRANSFORMASI DALAM ASPEK KETERANGAN PAKAR**

Keterangan saksi pakar dalam kes jenayah sangat membantu hakim dalam menilai bukti-bukti yang melibatkan sains dan teknikal. Seksyen 33 Akta Keterangan Mahkamah Syariah 1997 memberi kuasa kepada mahkamah untuk memanggil saksi pakar dalam sesuatu perkara sama ada mengenai undang-undang negara asing atau mengenai sains atau seni, atau tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari untuk memberikan pendapat mereka bagi tujuan memudahkan pembuktian dalam penyiasatan.

Terdapat dua bentuk keterangan pakar dalam kes yang melibatkan penggunaan ilmu sihir. Yang pertama ialah keterangan pakar yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam bidang ilmu sihir. Menurut Al-Khatib As-Syarbini (1978), seorang yang dahulunya terkenal sebagai ahli sihir, tetapi telah bertaubat dari mengamalkan ilmu tersebut boleh dipanggil sebagai saksi bagi memberikan keterangan mengenai selok belok ilmu sihir. Oleh itu, mana-mana individu yang mempunyai pengalaman yang luas dan diiktiraf masyarakat sebagai pakar perubatan Islam boleh dipanggil bagi memberi pendapat sebagai pakar. Terpulang kepada hakim untuk menerima atau menolak keterangan tersebut. Keperluan kepada pendapat pakar dalam isu sihir telah diisyaratkan oleh Y.A.A. Hakim Mahkamah Rayuan dalam kes *Mustafa Batcha Iwn Habeeba Abd Rahman*:

*"Hakim yang Arif tidak langsung mencatatkan di dalam rekod perbicaraannya fakta kes tersebut dan juga beliau telah tidak memanggil dukun yang mengubati Perayu*

*untuk mendapatkan keterangan untuk mempastikan sama ada Perayu benar-benar sakit kena buatan orang (sihir) yang menyebabkan perceraian.”*

Keterangan pakar yang kedua ialah keterangan pakar forensik. Keterangan seorang pakar forensik amat diperlukan dalam menentukan bahan-bahan yang biasa digunakan dalam ilmu sihir. Dalam kes *R v Clarke* [1995] 2 Cr App R 425, mahkamah menyenaraikan beberapa aspek yang memerlukan kepakaran forensik. Antaranya ialah kategori yang dinamakan *natural (biological) source* seperti rambut, cebisan pakaian, darah, air mani, air liur, air kencing, DNA, cap jari, dan satu lagi kategori dinamakan *non biological source* seperti cat, kayu, kaca, kesan tapak kaki, minyak, kesan tayar dan lain-lain alatan yang digunakan (Mountford, 2002). Dengan adanya keterangan dari pakar yang menjalankan penyelidikan terhadap bahan-bahan ini, maka penyiasat boleh mengenalpasti, antaranya, apa bahan yang digunakan untuk menyihir, tuan punya bahan tersebut, cap jari yang ada pada bahan tersebut, darah dan jenis darah yang digunakan untuk upacara pemujaan dan segala peralatan dan bahan-bahan yang berkaitan dengannya. Pengesahan yang dilakukan dengan kaedah ini membolehkan penyiasat mengenal pasti penjenayah sihir dengan mudah.

Pengiktirafan kepada kepakaran dalam bidang jenayah sihir ini perlu diberikan perhatian khusus memandangkan ianya akan memberi satu impak yang positif kepada sistem perundangan di Malaysia. Usaha untuk mewujudkan tenaga pakar yang berkemahiran dalam membanteras serta mencegah jenayah sihir ini juga sangat penting. Justeru, bagi memenuhi maksud seksyen 33 Akta 561, terdapat dua pendekatan yang sesuai:

- a. Memasukkan perkataan ‘sihir’ ke dalam salah satu bidang yang memerlukan pendapat pakar;
- b. Menkategorikan ilmu sihir sebagai salah satu cabang seni okultisme. Okultisme ialah istilah yang merujuk kepada pelbagai kepercayaan dan amalan yang melibatkan ilmu ghaib atau kuasa di luar dunia tabii. Okultisme meliputi ilmu nujum, tilik nasib, ilmu sihir, dan spiritualisme, iaitu kepercayaan bahawa roh orang mati berkomunikasi dengan orang yang hidup. Orang yang mempercayai okultisme menganggap bahawa ia berasaskan ilmu halus yang tidak dimiliki oleh orang biasa (Dewan Bahasa dan Pustaka).
- c.

## **KESIMPULAN**

Apabila kerajaan memperkenalkan *Government Transformation Programme (GTP)*, beberapa langkah transformasi bagi memperkasakan undang-undang Syariah telah dilakukan. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), melalui agenda Pemacuan Transformasi Sistem Perundangan Islam di Malaysia, telah merangka Pelan Strategik JAKIM 2009-2014 dengan mengambil kira isu-isu dan cabaran semasa yang dihadapi oleh umat Islam. Antara isu yang perlu diberi perhatian ialah masalah jenayah yang dilakukan secara halus dengan menggunakan ilmu sihir. Ini kerana jenayah sihir adalah ibarat barah dalam masyarakat. Ia bukan sahaja menjelaskan akidah, bahkan akan merosakkan kerukunan rumahtangga dan keharmonian hidup masyarakat secara perlahan-lahan. Penyelidik berpendapat inilah masa yang sesuai bagi pihak berkuasa seperti JAKIM, JKSM dan JAIN untuk bekerjasama dengan Kementerian-kementerian yang berkenaan dalam usaha memantau pengamal-pengamal PT&K yang mengambil kesempatan atas nama pengubatan Islam.

- Al-Bacli, B. a.-D.-H. (1986). *Mukhtasar Al-Fatawa Al-Misriyyah Li Ibni Taymiyyah*. Dammam: Darul Ibnu Qayyim.
- As-Syarbini, S. A.-D. (1978). *Mughni Al Muhtaj ila Ma'rifat Ma'ani Alfaz al-Manhaj*. Kaherah: Dar Al-Fikr.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (n.d.). *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*. Retrieved February 17, 2015, from Tafsiran Okultisme dirujuk kepada Ensiklopedia Dewan Bahasa dan [Phttp://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=okultisme](http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=okultisme)
- Farber, W. (1995). *Witchcraft, magic and divination in Ancient Mesopotamia*. New York: Charles Scribner's Sons: Charles Scribner's Sons.
- Hasyim, U. (1980). *Syektan Sebagai Tertuduh: Dalam masalah sihir, tahayul, pedukunan dan 'azimat*. Malaysia: Penerbitan Penamas.
- Ismail, M. (1999). Amalan Sihir dan Ayat-ayat Al Qur'an: Perbezaan Serta Kesannya Terhadap Amalan Perubatan. *Islamic Quarterly*, 200.
- Ismail, M. (2012). Dakwaan Penggunaan Ilmu Sihir dalam Kes-kes Perkahwinan dan Perceraian di Mahkamah Shariah: Keperluan Kepada Satu Prosedur Kendalian Standard (S.O.P). *International Seminar on Shariah and Common Law (ISCOL 2012)*. Nilai: USIM.
- Ismail, M. (2015). Menzahirkan Sisi Ghaib Perbuatan Jenayah ( فعل جنائي ) Dan Niat Jenayah (قصد جنائي) Dalam Kesalahan Membunuh Menggunakan Sihir: Satu Analisa Dengan Merujuk Seksyen 152 Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah Brunei Darussalam. *Konferens Antarabangsa Islam Borneo* (p. 200). Brunei Darussalam: UNISSA.
- Ismail., M. (2014). Bewitchment as a Defence in Divorce Cases According to Islamic Law. *The Islamic Quarterly, Vol 58*(No. 4), 283-292.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (1996). *garisan\_panduan\_bercetak\_2*. Retrieved October 25, 2015, from JAKIM: [www.islam.gov.my/sites/default/files/garisan\\_panduan\\_bercetak\\_2.pdf](http://www.islam.gov.my/sites/default/files/garisan_panduan_bercetak_2.pdf)
- Kasimin, A. (1997). *Amalan Sihir Masyarakat Melayu: Satu Analisis*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn Bhd.
- Kasimin, A. (2002). *Tanda sihir & kekuatan roh untuk mengatasinya*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd.
- Kasimin, A. (2006). *Sihir dan Penjelasannya*. Brunei: Pusat Da'wah Islamiah.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2007). *Dasar Perubatan Tradisional dan Komplementari Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Kieckhefer, R. (1990). *Magic in the middle ages*. Great Britain: Cambridge University Press.
- Martin Hannibal, L. M. (2002). *The law of criminal and civil evidence: Principles and practice*. Essex: Pearson Education Ltd.
- Mahyuddin Ismail. (2015). Menzahirkan Sisi Ghaib Perbuatan Jenayah (فعل جنائي ) Dan Niat Jenayah (قصد جنائي) Dalam Kesalahan Membunuh Menggunakan Sihir: Satu Analisa Dengan Merujuk Seksyen 152 Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah Brunei Darussalam. in *Proceedings of the Konferens Antarabangsa Islam Borneo*, 300-309.
- Abdul Basir Mohammed. (1999). *Amalan Sihir dan Ayat-ayat Al Qur'an: Perbezaan Serta Kesannya Terhadap Amalan Perubatan*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Amran Kasimin. (1995). *Santau sebagai satu cabang ilmu sihir*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn Bhd.
- Al-'Ashqar, ʻUmar Sulaymān. (2002). *Ālam al-sihri wa al-shaʻwazah*. Edisi ke 4. Jordan: Dār Al Nafā'is.
- Donald Harper. 1987. Magic in East Asia.dlm. Lawrence E. Sullivan (pnyt.).*Hidden truths: magic.alchemy and the occult*.New York: MacMillan Publishing Company.
- Eric Maple. (1973). *Witchcraft: The story of man's search for supernatural power*. London: Octopus Books.

- J.J.M. de Groot. (1964). *The Religious Systems of China*. Book 2. Vol. 5 (3).
- Kippenberg, H. (1995). Magic in Roman civil discourse: Why rituals could be illegal, hlm. 149, dlm. M. Meyer & P. Mirecki (pnyt.), *Acient magic and ritual power*, Leiden: Brill.
- Mahyuddin Ismail. (2010). *Kegiatan Jenayah Menggunakan Ilmu Sihir: Keperluan kepada Pembanterasan Melalui Mekanisma Perundangan*. PhD Thesis, Law Faculty, University Kebangsaan Malaysia.
- Mahyuddin Ismail. (2014). Bewitchment as a Defence in Divorce Cases According to Islamic Law. *The Islamic Quarterly*, Vol 58, No. 4, pp.283-292.
- Mahyuddin Ismail. (2015). Menzahirkan Sisi Ghaib Perbuatan Jenayah ( فعل جنائي ) Dan Niat Jenayah Dalam Kesalahan Membunuh Menggunakan Sihir: Satu Analisa Dengan Merujuk Seksyen 152 Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah Brunei Darussalam. in *Proceedings of the Konferens Antarabangsa Islam Borneo*, 300-309.
- Morrison, Wayne. (2001). *Blackstone's commentaries on the laws of England*. Vol IV. London: Cavendish Publishing Ltd.
- Richard Kieckhefer. (1990). *Magic in the middle ages*. Great Britain: Cambridge University Press.
- Stuart Gordon. (1993). *The Encyclopedia of Myths & Legends*. London: Headline Book Publishing Plc.
- Walter Farber. (1995). Witchcraft, magic and divination in Ancient Mesopotamia, dlm. Jack M. Sasson (pnyt.), *Civilizations of the ancient near East*, Edisi III, Bahagian 8 (Religion & Science), New York: Charles Scribner's Sons.
- William Shaw. 1975. *Aspects of Malaysian magic*. Kuala Lumpur: Muzium Negara.